

**Hubungan Dengan Kamilia Tetap Baik - Shahrizat
Bernama
23 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata hubungannya dengan Datuk Kamilia Ibrahim kekal baik di sebalik gesaan Naib Ketuanya itu supaya beliau meletakkan jawatan.

Shahrizat berkata beliau tidak berkecil hati, sebaliknya menerima pandangan Kamilia memandangkan mereka saling mengenali sejak zaman persekolahan.

"Saya tidak mudah kecil hati... kita datang daripada satu keluarga. Sebagai Ketua, saya mesti terima segala cubaan sebab saya adalah payung kepada semua termasuk Datuk Kamilia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Wanita Umno bersama Presiden parti itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Shahrizat diminta mengulas hubungannya dengan Kamilia, yang baru-baru ini dilaporkan menggesanya meletak jawatan dalam parti "demi menjaga kredibiliti parti, pergerakan Wanita, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan".

Gesaan Kamilia itu berikutan dakwaan Perbadanan Fidlot Nasional, yang diterajui suami Shahrizat, Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail menyalah guna peruntukan kerajaan sebanyak RM250 juta untuk projek pengeluaran daging.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654535>